



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

YAB PREMIER LANCARKAN KEMBARA KASIH KPWKM 2024 EDISI SARAWAK

KUCHING, 15 SEPTEMBER – Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak telah merasmikan Majlis Pelancaran Kembara Kasih KPWKM 2024 yang berlangsung di Waterfront, Kuching, Sarawak. Kembara KASIH KPWKM 2024 yang memulakan siri kembaranya di Sarawak bertujuan untuk mendekati masyarakat tempatan dengan membawa pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan, Agensi di bawahnya, menyebarkan luas dan mempromosikan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif KPWKM yang diperkenalkan demi manfaat kepada rakyat, meningkatkan kesedaran umum mengenai peranan KPWKM dalam membentuk kesejahteraan rakyat serta keterangkuman sosial dan mendukung aspirasi Malaysia MADANI dalam mengemudi negara ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara yang membangun dan mapan.

Kembara KASIH KPWKM 2024 yang diketuai oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bermula pada hari ini akan bergerak merentasi 8 daerah bermula dari Kuching dan melaksanakan pelbagai aktiviti di Sibu, Kapit, Bintulu, Sibuti, Miri dan Limbang. Program ini akan berakhir di Lawas pada 21 September 2024 dengan anggaran jarak perjalanan sejauh 1,456 kilometer. Sebanyak 27 program telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Sarawak di setiap daerah berkenaan.

YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari, turut merasmikan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak pertama Sarawak di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN). PSSS Bergerak akan berfungsi sebagai pusat rujukan khusus kepada kumpulan sasaran di bawah KPWKM untuk mendapatkan perkhidmatan psikososial Kementerian di Negeri Sarawak. Sehingga kini terdapat lapan (8) unit PSSS Mobile di seluruh negara iaitu lima (5) unit bas dan tiga (3) unit trak yang menyediakan bilik kaunseling, ruang intervensi, dan ruang pendaftaran klien. Perkhidmatan yang disediakan ialah sesi bimbingan dan kaunseling, art therapy, intervensi, saringan kesihatan mental serta rujukan bantuan kebajikan.

Turut diperkenalkan Sistem Aplikasi PSSS (MYPSSS) yang menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan berkaitan aspek psikososial, isu keganasan rumah tangga dan rujukan bantuan kebajikan. Sistem ini memudahkan klien untuk melaksanakan saringan kesihatan mental secara lebih interaktif serta membolehkan masyarakat untuk merancang strategi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Penggunaan Sistem Aplikasi ini akan lebih efektif dan mempercepatkan lagi penyampaian perkhidmatan psikososial kepada masyarakat.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang akan turut serta dalam konvoi Kembara Kasih KPWKM berharap masyarakat memanfaatkan pelbagai program yang dilaksanakan sepanjang Kembara antaranya Program Komuniti Santuni MADANI, Program Advokasi Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak, Majlis Pelancaran Direktori Berasaskan Organisasi (CBO) KPWKM @ Sarawak, Program Outreach Advokasi Antigangguan Seksual, Program Kesejahteraan Keluarga: "Family, Where Love Never Ends" dan Program Wanita Dinamik @ KPWKM. Turut dilaksanakan sesi Ziarah KASIH kepada klien-klien KPWKM di kawasan sekitar dengan penyerahan bantuan tunai dan barangan keperluan bagi meringankan beban mereka. KPWKM juga mengambil peluang melaksanakan aktiviti bersama komuniti di 6 lokasi masjid yang menjadi persinggahan solat sepanjang konvoi dan menyalurkan sumbangan sebanyak RM1000 setiap masjid untuk meneruskan program-program bersifat komuniti ini.

KPWKM berharap menerusi pelaksanaan Kembara ini, dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu sosial terutama melibatkan kes-kes keganasan rumah tangga, penderaan dan pengabaian kanak-kanak, warga emas, OKU, gangguan seksual dan sebagainya yang akan menjana ke arah pembentukan keluarga dan masyarakat sejahtera, juga mendekatkan kerajaan dengan masyarakat dan menambah akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPWKM serta jabatan dan agensi di bawahnya.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 September 2024**